

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 OKTOBER 2022

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 6

### Graduan kemahiran diburu pasaran



SEBAHAGIAN graduan yang menghadiri konvokesyen PSA ke-23 di Shah Alam semalam.



ZAINAB (tengah) dan Mohd. Zahari (kiri) menyampaikan diploma kepada seorang graduan Dual Certification Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM pada majlis konvokesyen PSA ke-23 di Shah Alam semalam.

Lepasan Politeknik dan Kolej Komuniti penuhi kehendak industri tempatan dan luar

## Graduan kemahiran diburu pasaran

**SHAH ALAM** – Kebolehpasaran graduan Politeknik dan Kolej Komuniti kembali meningkat serta mendapat permintaan tinggi dalam kalangan pemain industri selepas pandemik Covid-19.

Peluang pekerjaan yang perlu dipenuhi graduan kemahiran Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) itu meliputi bidang teknologi, pembuatan, kejuruteraan mekanikal dan elektronik.

Ketua Pengarah Jabatan Pen-

didikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Zainab Ahmad berkata, graduan daripada 36 politeknik dan 104 kolej komuniti di seluruh negara tersedia bagi memenuhi kehendak dan pasaran industri tempatan.

Kata beliau, pandemik yang melanda negara sejak dua tahun lalu diakui mengehadkan peluang pekerjaan oleh industri yang terpaksa mengelakkan operasi dan jumlah pekerja.

"Namun, kini semua pemain industri dan syarikat mula kembali mencari graduan kita yang berkemahiran tinggi dalam TVET."

"Ia membuktikan bahawa graduan politeknik dan kolej komuniti berkemampuan penuh memenuhi kehendak industri sama ada dari dalam atau luar negara," katanya ketika ditemui Kosmo! selepas menyempurnakan Majlis Konvokesyen Politeknik Sultan Salahuddin Abdul

Aziz Shah (PSA) ke-23 di sini semalam.

Seramai 1,684 graduan menerima ijazah, diploma dan sijil dalam bidang kejuruteraan awam, mekanikal, elektrik dan perdagangan pada majlis konvokesyen selama dua hari itu.

Selain itu, Zainab turut merasmikan Pusat Inovasi dan Pengkomersialan JPPKK di politeknik berkenaan.

Tambah Zainab, peluang sedia

ada perlu direbut sebaik mungkin semua graduan bagi merealisasikan impian kerjaya masing-masing.

"Kita juga perlu terus bersaing dengan modal insan negara lain seperti Indonesia dan Vietnam.

"Selain berkemahiran, graduan kita mempunyai kelebihan kerana mampu berbahasa Inggeris yang menjadi salah satu keperluan utama industri ketika ini," katanya.